

NO. SOALAN: 231

Maxis) manakala Altel (mengambil alih daripada Puncak Semangat dan berganding dengan Celcom) ialah 35.16%. YTL Communications belum memulakan perkhidmatan.

Setakat ini, SKMM masih menilai Laporan Kemajuan terkini 31 Disember 2014 mengenai pelaksanaan dan komitmen pemberi perkhidmatan terhadap PPT sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut. Berdasarkan kepada prestasi semasa, SKMM sedang mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat yang didapati tidak mematuhi PPT masing-masing. Tindakan ini termasuk meneliti laporan yang dikemukakan serta membuat lawatan tapak bagi memastikan ketepatan pelaksanaan yang dilaporkan. Penilaian laporan dijangka akan disiapkan sebelum hujung Mei 2015 sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Sekiranya syarikat didapati tidak mematuhi PPT masing-masing, SKMM boleh mengambil tindakan melalui pengeluaran daripada Jaminan Bank bagi mana-mana pemberi perkhidmatan 4G-LTE yang gagal melaksanakan perkhidmatan menurut sasaran PPT yang telah diluluskan. Selain daripada itu, SKMM juga boleh mengenakan tindakan di bawah Akta Komunikasi Multimedia 1998.